

08 OCT 1998

Y2K

M'SIA TEMPAT YANG SESUAI UNTUK LANCAR PENYELESAIAN MASALAH Y2K

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Pencipta satu penyelesaian kepada masalah komputer Tahun 2000 (Y2K), satu metodologi yang diberi nama Chanakya, hari ini menyifatkan Malaysia sebagai tempat yang sesuai untuk memperkenalkannya kepada dunia kerana negara ini mempunyai visi menjadi penyebar utama teknologi maklumat (IT).

S. Jayaprasannaraj dari India berkata projek Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia merupakan contoh baik mengenai usaha pembangunan yang dijalankan oleh Malaysia dan ia mampu menggerakkan negara ini dalam bidang IT.

MSC merangkumi kawasan seluas 750 km persegi selatan dari sini yang dibangunkan sebagai pusat bagi produk dan aplikasi multimedia.

"Kami memohon untuk menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menjadikan Malaysia sebagai landas pelancaran untuk Chanakya, bersama-sama dengan India," katanya kepada pemberita pada satu seminar mengenai penyelesaian Y2K, di sini.

Masalah Y2K akan menjejaskan persekitaran perisian komputer kerana pada akhir abad ini, komputer tidak lagi dapat membezakan abad ke-19 dan abad ke-20 kerana ia menunjukkan tahun sebagai nombor dua digit sahaja.

Jayaprasannaraj, seorang akauntaun bertauliah berumur 44 tahun yang bertukar profesion sebagai pakar analisis Y2K, berkata Chanakya, yang mengambil masa dua tahun untuk dibangunkan, adalah satu penyelesaian yang menjimatkan kos dan menjimatkan masa.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Sulaiman Mohamed ketika merasmikan seminar itu berkata rakyat Malaysia harus mempelajari IT jika mereka tidak mahu ketinggalan dalam komuniti global.

-- BERNAMA

MAM AKD